



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2000**

---

**BAYARAN INSENTIF PEDALAMAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memperkemaskan kriteria pemberian Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) yang telah diberi sebagai galakan kepada anggota perkhidmatan awam yang berkhidmat di kawasan pedalaman.

**LATAR BELAKANG**

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 telah menetapkan kriteria-kriteria untuk menentukan sesuatu kawasan pedalaman bagi melayakkan seseorang anggota perkhidmatan awam dibayar

BIP. Kriteria-kriteria yang ditetapkan didapati terlalu ketat bagi membolehkan anggota perkhidmatan awam yang berkhidmat di kawasan pedalaman dibayar BIP, maka atas keprihatinan serta bagi berlaku adil, Kerajaan telah melonggarkan kriteria-kriteria tersebut.

## **PELAKSANAAN**

### **Kriteria**

3. Kriteria untuk menentukan sesuatu kawasan terpencil mengikut keperluan negeri masing-masing sebagai kawasan pedalaman adalah seperti berikut-

a. Kemudahan Asas yang tidak sempurna (tiada bekalan air paip dan bekalan elektrik); dan

b. Kemudahan Awam yang tidak sempurna (tiada pengangkutan awam, telefon awam dan kemudahan perubatan).

### **Kelayakan**

4. BIP akan dibayar kepada anggota perkhidmatan awam (termasuk anggota kontrak, anggota sambilan, anggota sangkut, anggota sementara dan anggota sandaran) yang diarah bertugas di kawasan pedalaman dan memenuhi semua syarat seperti berikut-

a. diarah secara bertulis untuk berkhidmat di kawasan pedalaman;

b. tinggal menetap di kawasan pedalaman; dan

c. berkhidmat selama tempoh satu bulan kalendar atau lebih di kawasan pedalaman.

## **Kadar**

5. BIP adalah dibayar atas kadar 10% daripada gaji bulanan anggota berkenaan.

## **Jawatankuasa Penilaian**

6. Sebuah jawatankuasa penilaian yang dikenali sebagai **Jawatankuasa Penilaian**

**Kawasan Pedalaman Negeri** hendaklah ditubuhkan yang dianggotai oleh-

- a. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakilnya. - Pengerusi
- b. Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau wakilnya. - Ahli
- c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya. - Ahli

7. Keahlian Jawatankuasa Penilaian Kawasan Pedalaman Negeri boleh ditambah bilamana perlu dengan persetujuan Pengerusi Jawatankuasa itu.

8. Bidang rujukan Jawatankuasa Penilaian Kawasan Pedalaman Negeri adalah seperti berikut-

- a. mempertimbang dan memperakukan permohonan daripada mana-mana agensi Kerajaan bagi mengiktirafkan sesuatu kawasan sebagai kawasan pedalaman mengikut keperihalan keadaan negeri berkenaan;

- b. mempertimbang dan meluluskan kriteria baru sesuatu kawasan mengikut  
keperihaln keadaan negeri sebagai kawasan pedalaman;  
  
membuat lawatan untuk memastikan sesuatu kawasan menepati kriteria kawasan
- c.  
pedalaman bilamana perlu;
  
- d.  
membuat pemantauan dari masa kesemasa untuk mengemaskinikan senarai  
kawasan pedalaman; dan
  
- e.  
menjemput mana-mana agensi Kerajaan untuk memberi ulasan terhadap  
permohonannya untuk diberi BIP.

9. Permohonan oleh mana-mana agensi Kerajaan hendaklah dikemukakan kepada  
Urusetia di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berkenaan.

### **Surat Pekeliling**

10. Surat Pekeliling Perkhidmatan mengenai BIP mengikut negeri akan dikeluarkan  
bagi memaklumkan kawasan pedalaman yang layak diberi BIP.

### **TARIKH KUATKUASA**

11. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mengikut tarikh kuatkuasa Surat  
Pekeliling Perkhidmatan bagi negeri berkenaan. Anggota perkhidmatan awam yang  
sedang menikmati bayaran insentif ini akan terus menerimanya sehingga Surat Pekeliling  
Perkhidmatan bagi negeri berkenaan dikeluarkan.

### **PEMAKAIAN**

12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **PEMBATALAN**


13. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini maka -

13.1 perenggan 3.3 di Lampiran C, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980; dan

13.2. perenggan II di Lampiran D7, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991.

adalah **dibatalkan**.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**( TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

17 April 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan